



**MACA**  
**AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**  
*Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah*

**LAPORAN TAHUNAN**  
**2016**  
*Annual Report*

## **SIDANG PENGARANG**

### **PENAUNG**

Datuk Dzulkipli Ahmad

### **PENASIHAT**

Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah

### **PENGERUSI**

Dato' Norazlan Mohd Razali

### **KETUA PENGARANG**

Azlan Abd Aziz

### **PENGARANG**

Norul Hazlina K. Mohmed Atar  
Shahril Azhar Zainal Abidin

### **GRAFIK & LAYOUT**

Nur Shahida Azlin Mohamad Dee

### **JURUFOTO**

Saidin Omar Muchlis

### **PEMBACA PRUF**

Azlan Abd Aziz  
Zamal Abd Rahman

Sidang Pengarang merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua sumbangan dan sokongan sehingga menjayakan penerbitan ini.

© Hak Cipta Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

Hak Cipta ini adalah milik Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada MACA. MACA menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran MACA. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.

# KANDUNGAN

**01**

**PERUTUSAN**

KETUA PESURUHJAYA SPRM

**03**

**BICARA MINDA**

TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM

**04**

**AMANAT**

PENGARAH AKADEMI

PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

**05**

**DARI MEJA**

PENGARANG

**06**

**PROFIL KORPORAT**

SEKILAS PANDANG

VISI & MISI

OBJEKTIF

PIAGAM PELANGGAN

KUMPULAN SASARAN

BARISAN KEPIMPINAN MACA 2016

CARTA ORGANISASI 2016

TRANSISI TAMPUK KEPIMPINAN MACA

LAKARAN PENCAPAIAN 2016

**20**

**GLOBALISASI**

**MERENTASI SEMPADAN**

**26**

**ILMU KEPAKARAN**

**MENGEMUDI OPERASI**

**32**

**MEMBUDAYA INTEGRITI**

**DALAM ORGANISASI**

**40**

**MODAL INSAN DIPELIHARA**

**NEGARA SEJAHTERA**

**52**

**IMBASAN DALAM LIPATAN**

**KENANGAN 2016**

**60**

**LAMPIRAN**

PAKAIAN KHIDMAT RASMI (BUSH JACKET)  
PEGAWAI SPRM

AKRONIM GELARAN JAWATAN

“ Wahai orang-orang yang beriman!  
Janganlah kamu mengkhianati ALLAH  
dan Rasul (Muhammad) dan (juga)  
janganlah kamu mengkhianati amanat  
yang dipercayakan kepadamu, sedang  
kamu mengetahui. ”

Al-Quran : *Surah al-Anfaal, Ayat 27.*



**Datuk Dzul kifli bin Ahmad**  
Ketua Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

# PERUTUSAN

## KETUA PESURUHJAYA SPRM

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia,

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia dan kasih sayangnya, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telahpun berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2016 sebagaimana yang dirancang. Laporan Tahunan ini adalah dokumen yang menjadi sarana yang menceritakan latar belakang dan pencapaian MACA sepanjang tahun 2016 untuk sumber rujukan semua.

Sepanjang 2016, pelbagai pencapaian membanggakan telah dikecapi oleh MACA hasil manifestasi amalan budaya kerja berprestasi tinggi yang telah membuktikan konsistensi kecemerlangan menyeluruh MACA sebagai hab latihan berkaitan pencegahan rasuah yang terulung negara.

Usaha memerangi jenayah rasuah, pengubahan wang haram, penyelewengan dan salahguna kuasa telah menjadi salah satu daripada agenda utama kerajaan dalam membentuk sebuah negara yang harmoni, adil, telus dan bebas rasuah. Ia menjadikan tanggungjawab membanteras jenayah rasuah semakin relevan dalam membentuk masyarakat yang beretika dan berintegriti. MACA dilihat sebagai punca kuasa yang melahirkan pegawai-pegawai SPRM dan Pegawai-pegawai Integriti yang mempunyai kredibiliti untuk menterjemahkan hasrat kerajaan tersebut.

Telah saya nyatakan bahawa amanah dan kuasa bukan perkara mainan untuk diinjak sesiapa pun. Amanah dan kuasa ini kurniaan Allah SWT yang dituntut kejujurannya buat mengabdikan kepada rakyat dan negara. Justeru, MACA sebagai platform pembelajaran dan pembangunan SPRM bertanggungjawab untuk membudayakan integriti dalam diri pegawai-pegawai yang dilatihnya. Adalah amat penting untuk menyemai benih-benih ilmu yang menjurus kepada pembanterasannya salah guna kuasa, kerakusan dan ketamakan harta dunia.

Keterlibatan selama lebih sedekad melayakkan MACA mendapat pengiktirafan oleh South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) sekaligus meletakkan MACA setanding institusi-institusi latihan di persada antarabangsa. Keterlibatan negara-negara luar seperti Korea, Bhutan, Vietnam, Indonesia, Thailand, Fiji, dan sebagainya dalam menjalani kursus di MACA disamping kunjungan hormat serta lawatan rasmi ke MACA menjadi bukti bahawa MACA semakin diyakini sebagai pusat rujukan berkaitan pencegahan rasuah yang disegani. Pencapaian ini amat membanggakan SPRM seluruhnya.

Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada semua warga MACA atas sumbangan dan dedikasi semua. Harapan saya agar MACA akan terus menongkah arus membina lebih banyak kejayaan membanggakan pada masa hadapan untuk kesejahteraan negara dan generasi akan datang.

Selamat maju jaya!

**Datuk Dzulkifli bin Ahmad**

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



## **BICARA MINDA**

### **TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera,

2016 telahpun melabuhkan tirainya. Ternyata, masa itu bergerak melewati kita dengan begitu pantas sekali. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Akademi Pencegahan rasuah Malaysia (MACA) atas penghasilan Laporan Tahunan 2016 yang akan dijadikan rujukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan seluruhnya.

Bersempena dengan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2016 yang telah disambut pada 9 Disember 2016 lalu dengan tema “Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah”, adalah amat diharapkan agar usaha-usaha untuk mengekang salah laku jenayah rasuah diteruskan dengan lebih komited melalui pendedahan dan kemahiran yang lebih mendalam tentang salahlaku rasuah menerusi kursus-kursus serta seminar anjuran MACA kepada pegawai-pegawai SPRM khasnya dan pegawai-pegawai integriti amnya.

Dalam usaha untuk menyemarakkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam organisasi, saya percaya Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) oleh MACA mampu melonjak keupayaan organisasi dalam memelihara etika dan tadbir urus pentadbiran yang lebih telus, cemerlang dan bebas rasuah. Aktiviti Enhancing Integrity Project (EIP) yang disusun dalam program tersebut juga mampu mencetuskan kesedaran dalam mempromosi integriti di kalangan netizen.

Membuka lembaran 2017 ini, cabaran pelaksanaan tadbir urus dengan pendekatan “low cost, high impact” diharap tidak akan sedikit pun melunturkan semangat warga MACA untuk meneruskan kecemerlangan dalam penyediaan latihan dan kursus yang relevan dan terkini. Saya percaya, dengan penggunaan sumber terhad secara maksimum mampu memberi impak yang optimum dalam menghasilkan pendidikan dan pembangunan pencegahan rasuah di MACA.

Kejayaan yang dicapai oleh SPRM pada tahun 2016 dalam mengekang jenayah rasuah tidak mungkin berhasil tanpa komitmen dan kepakaran warga SPRM yang disemai dan digilap di MACA. Harapan saya, semoga MACA terus bergerak maju dalam penyediaan pendidikan terbaik untuk SPRM khasnya dan negara, amnya.

Sekian, terima kasih.

#### **Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



## AMANAT

### PENGARAH AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Mengimbas kembali pencapaian dan usaha yang telah dijayakan sepanjang tahun 2016, jelas bahawa segala inisiatif yang telah dicapai oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) adalah seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan jati diri masyarakat, terutamanya dalam mencegah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa dari terus berleluasa. Justeru, MACA memainkan peranan penting dengan menggerakkan jenteranya untuk mendidik dan melatih pegawai-pegawai SPRM, Awam dan Swasta serta pegawai-pegawai Integriti yang bertindak melakukan usaha pencegahan dengan menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah di organisasi masing-masing.

Tahun 2016 menyaksikan Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) dengan peningkatan sebanyak 1.07 peratus dengan pencapaian keseluruhan sebanyak 99.06 peratus berbanding 98.53 peratus pada tahun 2015. Indikasi ini jelas menunjukkan bahawa MACA sedang berada di landasan yang betul. Seperti sedia maklum, aspek pembangunan dan pembelajaran sentiasa menjadi keutamaan MACA. Terbaru, *Anti-Corruption and Civil Rights Commission* (ACRC) Korea telah membuat permohonan penempatan kerja (*attachment*) selama 1 tahun 6 bulan di MACA, bertujuan untuk menjalankan kajian tentang dasar latihan dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh MACA untuk diaplikasi oleh ACRC kelak. Ini merupakan satu pengiktirafan oleh agensi antarabangsa atas usaha yang dilaksanakan oleh MACA selaku hab latihan pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, pencapaian MACA dalam bidang latihan turut menarik minat negara lain untuk turut serta. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 9 kursus antarabangsa telah dilaksanakan dan 4 daripadanya merupakan kursus yang direka khas (*customize course*). Amalan terbaik SPRM dalam membanteras rasuah dikongsi bersama dengan negara-negara lain seperti Bhutan, Palestin, Afghanistan dan Fiji. Tahun 2016 mencatat sejarah kerana buat julung kalinya program CeIO khas untuk Sektor Swasta telah diperkenalkan. Antara objektif program ini adalah untuk mengenal pasti fungsi dan tugas serta elemen-elemen dalam pengurusan integriti yang perlu ada di sektor swasta. Para peserta juga dilatih untuk menganalisis risiko rasuah serta membentuk pelan integriti organisasi serta bertindak sebagai katalis dalam pembudayaan integriti di syarikat masing-masing. Inisiatif ini dilihat amat penting dan selari dengan dasar kerajaan yang meletakkan agenda pembudayaan integriti sebagai tunjang dalam penyampaian perkhidmatan setiap sektor di Malaysia samada awam atau swasta.

Adalah menjadi aspirasi MACA untuk menjalin kolaborasi dengan institusi-institusi pendidikan tinggi daripada dalam dan luar negara untuk menjadi tonggak dalam meningkatkan keupayaan modal insan ke arah organisasi yang berintegriti tinggi, cemerlang, bebas dari rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa serta kelemahan pentadbiran. Melangkah ke hadapan, MACA juga komited untuk menaiktaraf kursus-kursus yang ditawarkan agar memberi impak yang lebih berkesan dan berkualiti. Semoga kerjasama yang sistematik, terancang dan bersepadu ini mampu meningkatkan tahap profesionalisme pegawai-pegawai dan kakitangan MACA seluruhnya. Semoga MACA akan terus melakar lebih banyak kejayaan sebagai sebuah hab latihan pencegahan rasuah yang disegani pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Norazlan bin Mohd Razali**

Pengarah

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)



## DARI MEJA PENGARANG

Menyelusuri jendela 2016 yang serba mencabar, garapan Laporan Tahunan 2016 ini menjadi wadah untuk menceritakan semua yang tersemat dalam lipatan sejarahnya. Setelah lebih sedekad, MACA telahpun menempa nama dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Pelbagai program dan kerjasama serantau juga dilaksanakan berdasarkan perancangan teliti. Maka, tidak hairanlah MACA kini dilihat sebagai peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah.

Sepanjang tahun 2016, program yang dilaksanakan MACA telah menarik perhatian banyak pihak termasuklah masyarakat antarabangsa yang terus memberi maklum balas positif mengenai kursus serta seminar yang ditawarkan. Program-program peringkat antarabangsa diteruskan berikutan sambutan menggalakkan daripada agensi-agensi pencegahan rasuah seluruh dunia.

Misalnya, kehadiran Timbalan Pengarah *Anti-Corruption and Civil Rights Commission* (ACRC) Korea yang melaksanakan attachment selama 1 tahun 6 bulan di MACA menjadi satu bukti bahawa MACA dipandang tinggi sebagai sebuah akademi latihan pencegahan rasuah yang dijadikan *role model* bagi akademi negara-negara lain.

MACA turut komited dalam melaksanakan tadbir urus serta amalan pengurusan yang baik demi kepentingan warga MACA dan reputasi MACA seluruhnya. Kami berpegang teguh kepada prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti bagi setiap tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Program berimpak tinggi iaitu Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) adalah antara program yang sedang rancak dijalankan. Aktiviti *Enhancing Integrity Project* (EIP) yang direncana dalam program tersebut merupakan suatu usaha untuk mendekati masyarakat setempat dengan SPRM melalui aktiviti sukarelawan agar memberi lebih kefahaman tentang tanggungjawab dan kepentingan etika dan integriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Bersandarkan langkah-langkah ini dan pelbagai langkah bijak lain, MACA hari ini berada pada kedudukan yang lebih teguh dalam mencapai sasaran menjadi sebuah institusi pendidikan dan pembangunan bertaraf dunia yang menyediakan khidmat pembelajaran terbaik bagi kumpulan sasarannya.

Penghargaan dikalungkan kepada semua pihak yang sama-sama bertungkus-lumus dalam menaikkan nama MACA di peringkat yang lebih tinggi. Pujian khusus diberikan kepada Pengarah MACA, Dato' Norazlan Mohd Razali kerana menggalas tanggungjawab baharu dalam menghadapi cabaran dengan tenang dan memastikan peralihan yang lancar daripada Pengarah terdahulu, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz. Kami amat menghargai sumbangan Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz yang tidak ternilai kepada MACA selama 5 tahun beliau menjadi Pengarah dan kami mengucapkan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang beliau ceburi.

Saya yakin, MACA akan terus menempa kejayaan lebih besar dan melangkah maju ke hadapan dalam pembangunan dan pendidikan pencegahan rasuah untuk masa depan bersama.

Sekian, terima kasih.

**Azlan bin Abd Aziz**  
Ketua Pengarang





# PROFIL KORPORAT



## SEKILAS PANDANG

Berdasarkan keperluan untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur, Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengumumkan penubuhan MACA pada persidangan *4th Steering Committee Meeting ADB-OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and Pacific* pada 3 Disember 2003.

Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan, Sekolah Penyiasatan, Sekolah Perisikan, Sekolah Perundangan dan Pendakwaan dan Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan merupakan enam tunjang utama yang menjadi nadi MACA sejak penubuhannya lagi. Sebagai hab latihan Integriti berkaitan rasuah yang telah lama bertapak, MACA dilihat semakin matang dalam melaksanakan tanggungjawab menginstitusikan budaya etika dan Integriti di kalangan warga SPRM. Pada tahun 2008, Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) mengambil peranan utama sebagai pusat rujukan berkaitan latihan integriti sektor awam dan swasta. Pada tahun 2010, Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer (CeIO)* diperkenalkan bagi mengiktiraf pegawai-pegawai integriti sektor awam yang kemudiannya dirasmikan pada tahun 2012 oleh Y.A.B Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Program tersebut kemudiannya membuka pintunya kepada sektor swasta untuk turut serta.

2012 menjadi titik tolak kepada penubuhan satu lagi tunjang MACA iaitu Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM. Unit ini bertanggungjawab dalam melatih dan menyiapkan pegawai-pegawai SPRM dari aspek kepimpinan dan kebertanggungjawaban terhadap tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka. Pada tahun 2016, kesemua unit di MACA diselaraskan dengan panggilan Kluster.


Komitmen dan konsistensi MACA dalam usaha untuk merealisasikan visi dan misi SPRM membuka ruang untuk terus dikenali di peringkat global. MACA turut bekerjasama dengan badan-badan anti rasuah dari negara-negara lain dengan berkongsi idea dan pengalaman demi mengembangkan budaya Integriti dengan lebih holistik. *Independent Commission Against Corruption (ICAC)* Hong Kong, *Federal Bureau of Investigation (FBI)* United States, Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam, Korea Independent Commission Against Corruption (KICAC) Republic of Korea, Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia, Corruption Practices Investigation Bureau (CPIB) Singapura dan National Anti-Corruption Commission (NACC) Thailand

adalah antara agensi-agensi penguatkuasa pencegahan rasuah serta agensi penguatkuasaan serantau yang pernah menjalinkan hubungan dua hala dengan MACA dengan berkongsi idea dan pengalaman dalam usaha membanteras rasuah.

Sebagai peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah, modul-modul latihan telah dirancang dengan teliti untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai integriti meliputi aspek penyiasatan, pendakwaan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan, gerak kerja, pengurusan dan kewangan, keselamatan, kepimpinan, latihan kejurulatihan, teknologi maklumat dan pengajian Bahasa terutamanya Bahasa Inggeris.

## VISI

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.



## OBJEKTIF



Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;

Mengukuhkan Integriti dan Akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;

Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;

Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;

Memperluaskan usahasama (*collaboration*) dan kerjasama (*cooperation*) dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa; dan

Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan kapabiliti bagi masyarakat global.

## PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:



Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia mensasarkan latihan dan program pencegahan rasuah kepada para peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan empat kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. Empat kumpulan sasaran MACA tersebut:

**Pegawai-pegawai SPRM**

MACA adalah entiti di bawah SPRM yang bertanggungjawab untuk menyediakan latihan yang mencukupi kepada semua pegawai dan kakitangan SPRM dalam meningkatkan keupayaan diri dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan profesional. Bidang-bidang latihan yang ditawarkan merangkumi “core business” secara komprehensif serta bidang-bidang lain seperti pengurusan, keselamatan seumpamanya.

**Jabatan / Agensi Kerajaan dan Agensi Penguatkuasaan Tempatan**

Selaras dengan agensi kerajaan untuk mewujudkan “Perkhidmatan Awam Bertaraf Dunia”. MACA menawarkan program latihan untuk agensi kerajaan khusus dalam bidang pencegahan rasuah. Program-program yang disediakan adalah berkualiti dan berupaya melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran.

**Sektor Swasta**

MACA menyediakan platform kepada sektor swasta seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan badan-badan korporat dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang pencegahan rasuah, Integriti dan tadbir urus terbaik.

**Peserta Dari Organisasi Antarabangsa dan Agensi Penguatkuasaan Antarabangsa**

MACA mengorak langkah menuju ke arena global dalam bidang latihan pencegahan rasuah di mana MACA menawarkan program-program latihan berkualiti khusus untuk peserta luar negara dari pelbagai organisasi dan agensi penguatkuasaan. Semua program latihan yang ditawarkan menepati kehendak semasa selaras dengan undang-undang dan amalan terbaik. Program latihan juga boleh direkabentuk mengikut keperluan di peringkat antarabangsa.

  
**BARISAN  
KEPIMPINAN  
MACA 2016**  


**PENGARAH MACA**



**Dato' Abdul Wahab  
Abdul Aziz**  
 1 Ogos 2011 hingga  
30 November 2016



**Dato' Norazlan  
Mohd Razali**  
 1 Disember 2016  
hingga Sekarang

**TIMBALAN  
PENGARAH**



**P/KPKPj Abdul Razak  
Deraof**  
 2016

**KETUA KLUSTER  
PENGAJIANANTARABANGSA**



**P/KPKPj Abdul Razak  
Hamzah**  
 2016

**KETUA KLUSTER  
LATIHAN ASAS**



**PKPj Zuhairie  
Abu Bakar**  
 2016

**KETUA AKADEMIK**



**P/PKPj Zarizal  
Ahmad**  
 2016

**KETUA KLUSTER PEMBANGUNAN  
INTEGRITI KORPORAT**



**PKPj Rasidah  
Abdul Karim**  
 1 Disember 2014 hingga  
30 Oktober 2016



**PKPj Mansor Ali**  
 1 Disember 2016  
hingga Sekarang

**KETUA KLUSTER  
PENGURUSAN**



**Puan Katherene Shamala  
Nageswaran**  
2016

**KETUA KLUSTER PERANCANGAN,  
PENYELIDIKAN & KORPORAT**



**PPj Zamal  
Abd Rahman**  
15 Mac 2014  
hingga 14 Mac 2016



**P/PPj Azlan  
Abd Aziz**  
15 Mac 2016  
hingga Sekarang

**KETUA KLUSTER  
PENYIASATAN & FORENSIK**



**P/PPKj Zarizal  
Ahmad**  
1 Januari 2016 hingga  
14 Mac 2016



**P/PsK Mohd Nadzri  
Ibrahim**  
15 Mac 2016 hingga  
30 Oktober 2016



**P/PPj Zakaria  
Taib**  
1 November 2016  
hingga Sekarang

**KETUA KLUSTER  
PERISIKAN & PENGESANAN**



**PPj Mohd Saud Ayutollah  
Abdul Manan**  
2016

**KETUA KLUSTER  
PERUNDANGAN & PENDAKWAAN**



**PPj Umi Kalusom  
Ahmad**  
2016

**KETUA KLUSTER PENCEGAHAN  
RASUAH & PENGURUSAN**



**P/PPKj Rosnan  
Mohd Ali**  
1 Disember 2014  
hingga 14 Mac 2016



**PPj Zamal  
Abd Rahman**  
15 Mac 2016  
hingga Sekarang



**KETUA KLUSTER  
KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SPRM**



**P/PPj Azlan  
Abd Aziz**  
1 November 2015  
hingga 14 Mac 2016



**P/PPj Zakaria  
Taib**  
15 Mac 2016 hingga  
30 Oktober 2016



**P/PKPj Azmi  
Hj Mohd**  
1 November 2016  
hingga Sekarang

**KETUA KLUSTER ETIKA & PROFESIONALISME**



**P/PPj Zakaria  
Taib**  
2014 hingga  
14 Mac 2016




**PKPs Mahmud  
Zakaria**  
15 Mac 2016 hingga  
30 Oktober 2016



**PsK Mohd Nadzri  
Ibrahim**  
1 November 2016  
hingga Sekarang

# CARTA ORGANISASI 2016

## AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



## TRANSISI TAMPUK KEPIMPINAN MACA

YBhg. Dato' Norazlan Bin Mohd Razali telah dilantik secara rasminya sebagai Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) berkuatkuasa daripada 1 Disember 2016 menggantikan Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz yang kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Pematuhan di Pejabat Pengurusan Integriti dan Pematuhan, FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Satu Majlis Serah Terima Tugas telah diadakan pada 27 Disember 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA dengan disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM.

YBhg. Dato' Norazlan mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia pencegahan rasuah serta terbukti menyumbang khidmat yang cemerlang sepanjang 27 tahun berkhidmat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Anak jati Teluk Intan, Perak ini memulakan kerjayanya pada tahun 1989. Beliau terlebih dahulu telahpun menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah di Bahagian Pengurusan Integriti Agensi pada tahun 2013 sebelum dilantik sebagai Pengarah SPRM Selangor pada 15 Mac 2016.

Memperolehi kelulusan Sarjana Sains Pengurusan Jenayah Ekonomi (2016) dari Kolej Universiti HELP Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Sains Sistem Kawalan Perniagaan (Perakaunan), Universiti North Texas, Amerika Syarikat, Dato' Norazlan Bin Mohd Razali kemudiannya diberi kepercayaan untuk menerajui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) berkuatkuasa daripada 1 Disember 2016. Kewibawaan dan pengalaman beliau dalam bidang pencegahan rasuah diyakini akan memberi manfaat yang besar kepada warga MACA dan pencapaian MACA seluruhnya.

Kehadiran Dato' Norazlan Bin Mohd Razali ke MACA pasti akan membawa sinar dalam merealisasikan aspirasi SPRM dalam usaha membangunkan institusi latihan pencegahan rasuah ke peringkat yang lebih tinggi.



Majlis Serah-Terima Tugas.

# LAKARAN PENCAPAIAN 2016

Mengimbas kembali inisiatif dan pencapaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2016, jelas bahawa segala yang diusahakan adalah seiring dengan hasrat menjadikan MACA sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah terbaik di rantau Asia. Pelbagai program dan kerjasama serantau telahpun disusun dan dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut.

Walau bagaimanapun, perancangan yang telah disusun atur dengan teliti telahpun diubahsuai rentetan surat pekeliling Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Februari 2016.



Namun begitu, MACA terus mengatur strategi dalam melaksanakan perancangan latihan dan memberi perkhidmatan terbaik dengan berbekalkan dana sedia ada.

Daripada 57 kursus yang telah disasarkan, MACA telah berjaya melaksanakan 84 kursus yang mana 27 kursus lainnya merupakan kursus *ad-hoc* dan secara keseluruhannya melibatkan seramai 1898 peserta.



Infografik 1: Statistik kursus-kursus MACA 2016

Pecahan jumlah kehadiran peserta mengikut kategori ialah Sektor Awam seramai 362 orang, SPRM seramai 1287 orang, Sektor Swasta seramai 116 orang dan penglibatan peserta di peringkat antarabangsa berjumlah 133 orang. Secara keseluruhannya, jumlah peserta yang terlibat dalam kursus MACA 2016 ialah seramai 1898 orang.



Infografik 2 : Jumlah pecahan peserta kursus mengikut sektor.

## Perbandingan Pencapaian Tahun 2015 dan 2016

2015

2016

112

Kursus yang telah dirancang berasaskan Analisis Keperluan Latihan (TNA)

57

149

Kursus yang berjaya dilaksanakan

84

5468

Bilangan peserta kursus

1898

98.53%

Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI)

99.06%

### INFO:

Surat Arahan Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ruj: JPA(1)S.175/4/1-1 Klt.22(38) bertarikh 29/2/2016 telah diedarkan.



# GLOBALISASI MERENTASI SEMPADAN

Menyelusuri tahun 2016 yang penuh cabaran, pelbagai pencapaian membanggakan sempat dilakar pada kanvas MACA. Pencapaian tersebut menjadi wadah berharga yang membentuk MACA menjadi antara hab latihan pencegahan rasuah cemerlang di rantau Asia Tenggara.

## JALINAN JARINGAN ANTARABANGSA

Menongkah arus kemajuan dalam membina nama sebagai institusi pendidikan awam terunggul, MACA meneruskan legasi penganjuran program-program di peringkat antarabangsa sepertimana tahun-tahun sebelumnya.

Berikut merupakan program-program yang telahpun berjaya dilaksanakan oleh MACA;

### **Malaysia-Japan Trilateral Programme For Palestine Menjalin Muhibbah**

*Malaysian Technical Corporation Programme* (MTCP) merupakan program perkongsian kepakaran dalam pembangunan bersama negara-negara membangun. MACA menjalin hubungan antarabangsa dengan Jepun dan Palestin melalui program *Malaysia-Japan Trilateral Programme For Palestine: Anti-Corruption Training For Palestine Delegates On Financial Investigator & Prevention* yang melibatkan 17 orang peserta pada pada 29 Februari hingga 11 Mac 2016 lalu di Dewan Kuliah Putrajaya, MACA.

Selain memberi ruang dan peluang mempelajari konsep, prinsip, polisi dan teknik dalam bidang pendakwaan dan penyiasatan di Malaysia, program ini juga membolehkan peserta berkongsi pengalaman mengenai formula strategik dan perancangan yang berkaitan dengan pencegahan rasuah.

Kemahiran dan pengetahuan tersebut diaplikasikan untuk pembangunan dan kerjasama di antara sektor kerajaan dan sektor swasta bersama-sama komuniti di Palestin.



YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM menyampaikan cenderahati kepada wakil peserta program *Malaysia-Japan Trilateral Programme For Palestine : Anti-Corruption Training For Palestine Delegates On Financial Investigator & Prevention*.



## **Executive Certificate Course For Strategic Management Membentuk Jaringan Global**

*Malaysian Technical Corporation Programme* (MTCP) turut menaja Program *Executive Certificate Course For Strategic Management* yang telah berlangsung selama 10 hari bermula 8 hingga 19 Ogos 2016.

Program tersebut telah berjaya menarik minat seramai 16 penyertaan yang terdiri daripada Afghanistan, Maldives, Mesir dan Timor Leste. Nasha Mohamed, peserta program dari Maldives menyifatkan program seumpama ini mampu menambah pengalaman dan idea baru dalam memerangi rasuah.

Program ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan dalam penambahbaikan pengurusan. Manakala, peserta dari Azerbaijan, Vugar Ahmadly, yang berkhidmat sebagai pendakwaraya di Pejabat Peguam Negara Republik Azerbaijan memuji kebolehan dan profesionalisme tenaga pengajar program tersebut.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah turut menyerikan majlis penutup program tersebut sambil mengharapkan MACA mampu terus menjadi perintis pusat latihan anti-rasuah yang terunggul di rantau Asia Pasifik. Turut hadir dalam majlis penutupan ialah Pengarah MACA, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz.



Peserta memberi fokus kepada ceramah yang disampaikan oleh tenaga pengajar.

## **Attachment Kerja Pegawai Korea Selatan iktiraf pencapaian MACA**

Kegemilangan dan produktiviti MACA sebagai peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah tidak dapat dinafikan di pentas antarabangsa. MACA sekali lagi mendapat pengiktirafan apabila menerima permohonan *attachment* kerja selama 1 tahun 6 bulan di MACA oleh Timbalan Pengarah *Anti-Corruption and Civil Rights Commission* (ACRC) Korea Selatan, Encik Kim Su-Hwan.

Beliau menjalankan penyelidikan berkaitan dasar latihan dan amalan terbaik (*best-practices*) yang telah dilaksanakan oleh MACA khususnya dan negara-negara Asia Tenggara amnya. Kepakaran dan kemahiran yang beliau pelajari sepanjang tempoh tersebut akan menjadi bekalan untuk beliau membangunkan akademi pencegahan rasuah di negara beliau kelak.



## Pemeriksaan Tenaga Pakar

Bagi mendokong objektif MACA menyediakan kepakaran dalam latihan, seramai 4 Pegawai SPRM telah dihantar berkursus di bawah program Institut Latihan Awam (ILA). Pegawai terbabit dihantar menerusi 2 kursus berbeza iaitu *Justice, Fairness and the Rule of Law*; dan *Promoting Integrity and Combating Corruption : Prosecution & Sanction*.

Pegawai yang terlibat terdiri daripada PPj Hadri Hashim, PPj Norhaizam Mohammad, PPj Umi Kalusom Ahmad dan Ps Norwati Azmi. Kursus tersebut berlangsung bermula daripada 14 hingga 18 November 2016 bertempat di London, United Kingdom.



Kursus "Promoting Integrity and Combating Corruption: Prevention, Detection and Investigation, Prosecution and Sanctions 14 hingga 18 November 2016".

## Projek Penanda Arasan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Di Korea Selatan

Bertujuan untuk memahami, mendapatkan idea serta mempelajari daripada negara yang mempunyai imej yang bersih berkaitan rasuah dan kedudukan integriti yang tinggi, MACA telah melaksanakan Projek Penanda Arasan bagi Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM.

Diketuai oleh YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA, seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada 16 orang pelajar UKM, 2 Pensyarah UKM serta 3 Penyelaras Program UKM dari MACA telah mengikuti lawatan bagi Program Projek Penanda Arasan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Sesi 2016-2017 ke Korea Selatan pada 29 Oktober hingga 8 November 2016.

Mereka juga telah membuat kunjungan rasmi ke beberapa institusi seperti *Anti Corruption Training Institute (ACTI)*, *Supreme Prosecutors off Republic of Korea*, *Transparency International Korea (TI-R)*, *Anti Corruption Civil Rights Commission (ACRC) Republic Of Korea* dan *Ministry Of Personnel Management of Korea*.

Di bawah Projek Penanda Arasan Pelajar Sarjana Pengajian Rasuah UKM-SPRM ini, pelbagai maklumat telah dikongsi bersama.



Program Projek Penanda Arasan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) Sesi 2016-2017 di Korea Selatan pada 29 Oktober hingga 8 November 2016.

## Program Pengurusan Integriti BINA

Program Pengurusan Integriti yang dijalankan pada 27 hingga 29 Jun 2016 merupakan satu projek yang ditaja oleh *Commercial Law Department Programme (CLDP)* Amerika Syarikat yang direka khas untuk Business Integrity Network Afghanistan atau BINA.

Program yang merupakan kesinambungan daripada program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Antarabangsa Siri ke 3/2015 ini telah dihadiri oleh 9 pegawai kanan daripada sektor korporat yang bernaung di bawah BINA dan dikendalikan sepenuhnya oleh Kluster Pembangunan Integriti Korporat (CIDC).

Para peserta telah berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik penting dalam menangani isu-isu pengurusan integriti seperti teknik *Self Evaluation Tool (SET)*.

Disamping itu, program ini juga menyediakan landasan untuk para peserta berkongsi ilmu, meneroka dan berbingcang tentang konsep dan isu-isu berkaitan integriti.



Perkongsian ilmu berkenaan pengurusan integriti

## Modul IV Master in Anti-Corruption Studies (MACS)

MACA telah menjadi hos untuk modul IV program *Master in Anti-Corruption Studies (MACS)* bermula daripada 11 hingga 22 Januari 2016. Kali terakhir MACA menjadi tuan rumah bagi program ini ialah pada tahun 2014 bagi modul VI 2012-2014.

Program kali ini memberi fokus kepada isu rasuah, penguatkuasaan serta penglibatan sektor swasta serta melibatkan lawatan ke *Singapore Corruption Prevention and Investigation Bureau* dan *INTERPOL's Global Complex for Innovation* di Singapura.

Peserta menunjukkan minat dan respon yang sangat positif terhadap program yang dianjurkan sekaligus mengekalkan hubungan baik di antara para pelajar dengan tenaga pengajar terutamanya dari Malaysia.





# **ILMU KEPAKARAN MENGEMUDI OPERASI**



Tenaga pengajar memberi penerangan jelas berkenaan kursus tersebut.

## Teknik Temuduga MACCPEACE Mengasah Kepakaran Pegawai Penyiasat

Kursus MACCPEACE merupakan antara kursus terpenting anjuran Kluster Penyiasatan dan Forensik bagi mengasah kepakaran perisikan sewaktu melaksanakan siasatan dalam kes-kes rasuah dan salahguna kuasa. Fokus utama diberikan kepada pegawai-pegawai SPRM bagi mendalami dan memahami ilmu berkaitan temubual terhadap saksi atau suspek mengikut prosedur yang betul, berkesan, sistematik, berkeyakinan dan telus.

Setiap Pegawai SPRM diberi peluang untuk meningkatkan kebolehan dalam kemahiran ini bagi mendapatkan hasil siasatan yang bermutu berlandaskan teknik siasatan yang berkualiti. Penganjuran selama 3 hari daripada 26 hingga 28 Januari 2016 telah disertai oleh seramai 35 orang peserta.

## Pemantapan Siasatan Agensi Awam Bersama Jabatan Audit Negara

Kekangan terhadap jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang semakin berleluasa perlu diperkukuh untuk menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia seluruhnya. Justeru, kesemua sektor awam dan swasta perlu berganding bahu membanteras aktiviti tidak bermoral tersebut.

Atas kesedaran itu, MACA melalui Kluster Penyiasatan dan Forensik menyediakan Kursus Asas Penyiasatan Untuk Pegawai-pegawai di Jabatan Audit Negara pada 8 hingga 10 November 2016. Seramai 26 orang pegawai di Jabatan Audit Negara yang menjalankan tugas siasatan dan penguatkuasaan mendalami ilmu berkaitan teknik siasatan, perisikan dan perundangan bagi menghasilkan siasatan yang tepat, telus dan benar.



Sesi diskusi dua hala antara peserta dan panel dalam pemantapan siasatan audit negara.

## Kursus Pemantapan Siasatan Swasta (Insurans) Tingkatkan Pengetahuan

Kluster Penyiasatan & Forensik merupakan salah satu kluster yang terpenting dalam memantapkan modal insan SPRM. Beberapa program telah dijalankan untuk meningkatkan kapasiti dan kapabiliti pegawai-pegawai SPRM serta agensi lain dalam bidang penyiasatan kes-kes rasuah.

Sebagai suatu inisiatif untuk meningkatkan kualiti kerja pegawai yang berkeajaan, Kluster Penyiasatan dan Forensik telahpun mengadakan Kursus Pemantapan Siasatan Swasta (INSURANS) pada 08-10 Nov 2016. Kursus ini telah menarik minat seramai 15 orang peserta di kalangan syarikat-syarikat swasta yang memberi fokus dan pendedahan tentang industri insurans dan perbankan di Malaysia.

Untuk memberi impak yang lebih besar kepada peserta, beberapa orang penceramah yang berpengalaman luas dalam industri insurans dan perbankan dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan bersama para peserta.



Sesi perbincangan dalam kumpulan.

## Kemahiran Fotografi Perisikan diperhalusi

MACA turut menyediakan platform untuk meningkatkan kemahiran fotografi pegawai-pegawai SPRM bagi menghasilkan bahan kes yang lebih berkualiti dan berkesan. Bertempat di Dewan Kuliah Sabah, MACA, seramai 26 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut anjuran Kluster Perisikan dan Pengesanan pada 16 hingga 19 Februari 2016. Teknik-teknik terkini seni fotografi berjaya dipelajari dan telahpun dipraktikkan dalam melaksanakan tugas risikan.



Peserta kursus mempelajari teknik - teknik terkini didalam Kursus Fotografi.

## Operasi *Undercover* (Intermediate) Mempertajam Penyamaran

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat terperinci serta bahan bukti mengenai sesuatu kes, tugas *undercover* atau penyamaran amatlah perlu. Kluster Perisikan dan Pengesanan yang merupakan tunjang kepada bidang tugas ini meneruskan siri kursus ini dengan menjemput 14 orang peserta pada 31 Mei hingga 3 Jun 2016 untuk menajamkan kemahiran tersebut.

Pegawai-pegawai SPRM bertindak sebagai “mata dan telinga” yang sentiasa menyalur maklumat tentang penyalahgunaan kuasa serta aktiviti-aktiviti jenayah berkaitan rasuah untuk dibongkar hingga ke akar umbi. Kursus ini diadakan dari semasa ke semasa dengan memperkemaskan teknik-teknik terkini yang boleh diaplikasikan oleh pegawai-pegawai SPRM.



PPj Mohd Saud Ayutollah Abdul Manan memberi taklimat kepada peserta kursus.

## AMLATFPUAA 2001: Bengkel Pelucuthakan Harta

Kebelakangan ini, terdapat banyak syarikat yang mengaut keuntungan jutaan ringgit dengan memperdaya orang ramai atas nama perniagaan dengan menabur janji manis bahawa mereka tidak perlu bekerja untuk hidup mewah tetapi hanya perlu melabur dalam projek yang ditawarkan oleh syarikat mereka.

Penipuan yang dilakukan merupakan satu jenayah yang sekiranya didapati bersalah, tertuduh boleh didakwa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan

dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Atas kesedaran ini, Kluster Perundangan dan Pendakwaan telah menganjurkan satu Bengkel Pelucuthakan Harta di Dewan Kuliah Terengganu, MACA pada 27 hingga 28 September 2016. Seramai 32 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut yang terdiri daripada pegawai SPRM.

Tuan Asnawi Hanipah, Timbalan Pendakwaraya SPRM dan PPj Shukri Mohd Saleh dari Cawangan Pelucuthakan Harta dan Pengesanan Aset, SPRM telah dijemput sebagai penceramah. Peserta diberi penerangan serta huraian tentang akta AMLATFPUAA 2001 dan perlucuthakan harta. Peserta juga diberi pendedahan tentang cara meneliti kertas siasatan, teknik mengenalpasti keterangan-keterangan forensik dan penyediaan pertuduhan. Kupasan terperinci berkaitan isu-isu semasa dan kaedah penyelesaian juga diberi penekanan mendalam dalam program tersebut.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Szali Salbi, Timbalan Pengarah Siasatan SPRM. Selesai program, seramai 16 orang peserta dilantik sebagai pegawai Perlucuthakan Harta dan menerima surat pelantikan oleh Bahagian AMLATFPUAA SPRM.





## **Courtroom Testimonial For Proactive Investigation Bina Keyakinan**

Sebagai persediaan menghadiri siri-siri perbicaraan di mahkamah, pegawai-pegawai SPRM juga diberi pendedahan tentang proses-proses perbicaraan berdasarkan kes-kes sebenar. Seramai 18 orang peserta amat berpuas hati dengan modul tersedia dalam kursus yang tersebut yang ternyata menggunakan metodologi yang ringkas dan mudah difahami.

Dalam masa yang sama, peserta-peserta juga berpeluang meningkatkan pengetahuan diri tentang akta-akta terkini yang relevan. Kursus selama 4 hari dari 23 hingga 26 Februari 2016 pasti telah memantapkan pemahaman berkaitan testimonial *proactive investigation*.



Peserta didedahkan dengan situasi sebenar dalam prosiding mahkamah.

## **Kursus Undang-Undang Ekuiti dan Undang-Undang Amanah Kukuhkan Integriti**

Selain itu, Kluster Perundangan dan Pendakwaan pula telah menganjurkan Kursus Undang-Undang Ekuiti dan Undang-Undang Amanah yang telah dihadiri oleh 18 orang peserta pada 22 hingga 25 November 2016.

Sesuai dengan tanggungjawab menyediakan program-program perundangan dan pendakwaan untuk pegawai-pegawai SPRM, Timbalan Pendakwa Raya SPRM dan lain-lain agensi penguatkuasa tempatan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan institusi pengajian tempatan, kursus ini membuka minda para peserta untuk mendalami topik-topik yang dibincangkan dengan lebih mendalam. Kesemua peserta amat berpuas hati dengan modul yang digarap khusus untuk program ini.

Sesi soal jawab penceramah dengan peserta Kursus Undang-undang Ekuiti dan Undang-undang Amanah.



## Pendaftaran Kadet Siri 20 Bil 1/2016 dan Siri 21 Bil 2/2016

Dalam memenuhi dan memantapkan tenaga kerja SPRM, MACA telah menerima sejumlah 95 Kadet Penolong Penguasa Gred P29, Siri 20 Bil. 1/2016 dan Siri 21 Bil.2/2016. Kesemua kadet ini akan menjalani Kursus Asas Pegawai SPRM selama 9 bulan iaitu latihan asas selama 6 bulan dan 3 bulan *On Job Training* atau praktikal. Mereka terdiri daripada 71 lelaki dan 24 perempuan.



*Urine Test* dilakukan bagi memastikan setiap kadet bebas daripada pengaruh dadah.



# MEMBUDAYA INTEGRITI DALAM ORGANISASI

Pelan Integriti Nasional 2004 memberi definisi integriti sebagai suatu kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Ia berkait rapat dengan etika.

Dilema etika dan integriti kini terbukti merupakan punca utama peningkatan kes dan skandal berkaitan pelbagai isu pada hari ini. Sebagai pegawai yang menjadi sandaran kepada organisasi untuk memikul tanggungjawab memelihara amanah organisasi, integriti jelas merupakan elemen paling penting dalam diri setiap pegawai di dalam setiap organisasi.

Justeru, menjadi tanggungjawab MACA sebagai hab latihan pencegahan rasuah untuk memberi latihan, kemahiran dan menanam dalam diri pegawai-pegawai yang menjalani latihan di MACA untuk bertindak cemerlang sebagai kakitangan yang berintegriti tinggi di organisasi masing-masing. Justeru, pelbagai program dan kursus telah dirancang untuk mencapai matlamat tersebut.

## Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Terus Gah



Sesi pendaftaran CeIO Siri 12 dan 13 di Dewan Tun Ismail, MACA.

Sesi pendaftaran Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 12 Bil 1/2016 dan Siri 13 Bil 2/2016 telah berlangsung pada 14 Februari 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA. Seramai 54 orang peserta telah pun menyertai program CeIO ini yang terdiri daripada pelbagai lapisan pegawai daripada agensi awam dan badan berkanun di Malaysia. Program ini adalah anjuran sepenuhnya Kluster Pembangunan Integriti Korporat (CIDC).

Program CeIO semakin mendapat tempat di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta rentetan kesedaran tentang kepentingan Pegawai Integriti di jabatan masing-masing yang terbukti meningkatkan ketelusan jabatan dalam tugas berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan keberkesanan program-program integriti di jabatan masing-masing.

## Program *Enhancing Integrity Project* (EIP) bersama Raja Muda Perlis



Pada 22 hingga 24 Julai 2016 telah berlangsung program *Enhancing Integrity Project* (EIP) dengan tema “Memartabatkan Integriti Dalam Pengurusan Tanah” di Kangar, Perlis. Program yang melibatkan seramai 44 orang peserta Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) siri 14 dan 15 tersebut adalah hasil kerjasama strategik di antara Kerajaan Negeri Perlis dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Program tersebut telah dirasmikan oleh DTYM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Raja Muda Perlis serta diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato’ Sri Hj. Mustafar Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.

Forum Integriti bertemakan Pembangunan Tanah: Dilema vs Integriti, Kayuhan Integriti bersama DTYM Raja Muda Perlis, Karnival Pedidikan Integriti, Forum Perdana Integriti dan program Kelestarian Integriti Champion yang melibatkan 30 pelajar jurusan berkaitan Pembangunan Tanah dari UiTM adalah Antara pengisian yang berjaya dilaksanakan sempena program tersebut.



# JOM BIAK PENYU

■ Kerajaan negeri peruntuk RM300,000 setahun tingkatkan usaha pemuliharaan

Rosli Iham

am@hmetro.com.my

Dungun

Kerajaan negeri mem- peruntukkan seba- nyak RM300,000 se- tahun untuk meningkatkan usaha pemuliharaan penyu. Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Kom- munikasi dan Multimedia Negeri A Latiff Awang ber- kata, melalui peruntukan itu, kerajaan negeri akan melaku- kan kerjasama strategik bersama syarikat swasta, universiti tempatan dan per- satuan pencinta alam sekitar bagi meningkatkan usaha pemuliharaan terbahit.



membesar dan mendarat di sepanjang pantai Terengganu akan bertambah," katanya yang mewakili Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman merasmikan Pro- gram Integriti Dalam Konser- visi Spesies Penyu dan Pe- muliharaan Alam Sekitar di Pantai Rantau Abang, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Su- ruhanjaya Pencegahan Ra- suah (SPRM) Terengganu P Ganason, Pegawai Pembang- ungan Parlimen Dungun Datuk Din Adam serta Pen- garah Tourism Ma- laysia Terengganu Zaliha Zainuddin.

A Latiff berkata, punca kematian penyu di ni- ni, kebanyakan

**FAKTA**  
Kematian penyu  
kebanyakannya  
disebabkan

## Integriti Dalam Pemeliharaan Alam Sekitar dan Spesis Penyu

Bagi menyemai etika dan integriti dalam diri para pegawai yang menyertai Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), *Enhancing Integrity Project* (EIP) bagi siri 12 dan 13 yang terdiri daripada 54 peserta telah mengadakan projek Kelestarian Spesis Penyu dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Rantau Abang, Dungun Terengganu.

Projek tersebut telah dianjurkan bermula daripada 25 hingga 27 Mac 2016. Para peserta pada siri kali ini terdiri daripada pelbagai latar belakang antaranya; pegawai- pegawai dari jabatan kerajaan persekutuan, jabatan kerajaan negeri, badan berkanun serta swasta.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan A. Latiff Awang, Exco Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia, Negeri Terengganu. Ia juga diserikan dengan aktiviti senamrobik oleh pelatih PULAPOL; gotong-royong membersihkan kawasan pantai Rantau Abang oleh peserta CeIO bersama *Champion* dan pelatih Akademi Bomba Terengganu; serta pelepasan anak penyu oleh semua peserta sebagai simbolik integriti.

Manakala Majlis Penutup Program pula telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA.



Peserta kursus melepaskan anak penyu ke laut sebagai simbolik projek Kelestarian Spesis Penyu dan Pemuliharaan Alam di sekitar pantai Rantau Abang, Dungun, Terengganu.



Seminar Kelestarian Integriti yang dihadiri panel yang berpengalaman dan bertauliah.

## Kelestarian Integriti Penutup Program CeIO

“Integriti Penguatkuasa, Nadi Pembangunan Negara” merupakan tema Seminar Kelestarian Integriti dan Majlis Penutup Program CeIO Siri 14 Bil. 3/2016 & Siri 15 Bil.4 /2016 yang telah diadakan dengan jayanya di Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Seramai 44 peserta telah menerima sijil penyertaan yang diserahkan sendiri oleh P/KPKP; Abdul Razak bin Deraof, wakil Pengarah MACA.

Seminar ini telah dianjurkan oleh Kluster Pembangunan Integriti Korporat, MACA, peserta CeIO Siri 14 Bil.3/2016 dan Siri 15 Bil.4/2016 dengan kerjasama Unit Integriti MITI. Y.B Datuk Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dijemput untuk merasmikan majlis.

Antara panel yang hadir memeriahkan seminar tersebut ialah YBhg. Datuk Yaacob Hj Md Sam, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal Talib, Mantan Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Dato’ V.Valluvan Veloo, Pengarah Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Encik Mohammad Faiz Omar sebagai moderator seminar.

Turut hadir memeriahkan Majlis ialah Pengarah SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya, Datuk Abd. Aziz Aban dan YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Yusoff Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan.



Peserta yang hadir mendengar ceramah bertajuk “Integriti Penguatkuasa, Nadi Pembangunan Negara” yang disampaikan oleh panel di MITI.

## Penerapan CeIO Dalam Sektor Swasta

Seiring dengan peranannya sebagai penasihat dan membantu SPRM dalam perancangan, pembentukan, pengendalian dan pelaksanaan program latihan pegawai integriti sejajar dengan Pelan Integriti Nasional (PIN), Kluster Pembangunan Integriti Korporat (CIDC) diwujudkan di bawah MACA bagi merangka dan mengendalikan Program Pegawai Integriti Bertauliah atau Certified Integrity Officer (CeIO).

Dalam melestarikan agenda integriti ini, buat julung kalinya CIDC membuka peluang kepada pegawai dan kakitangan sektor swasta untuk menyertai Program CeIO yang dikenali sebagai *Programme CeIO For Private Sector Siri 1/2016*. Program ini telah disertai oleh 15 pegawai CeIO dari pelbagai syarikat swasta. Pendedahan kepada sektor swasta ini merupakan inisiatif SPRM agar para peserta program boleh menganalisa pengurusan integriti dan komponen – komponen yang perlu ada dalam *integrity frameworking holistic* dan komprehensif dari perspektif sektor swasta dengan lebih efektif dan sistematik.

Sehingga kini, MACA telah berjaya menganjur sebanyak 17 siri Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) melibatkan 588 orang pegawai kerajaan, kakitangan dari sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sejak tahun 2012.



Antara panel yang hadir berdiskusi dalam Forum Integriti.




Para peserta yang berjaya menamatkan Program CeIO Swasta Siri 1.



Tahun 2016 telah mencoret sejarah baharu apabila seramai 137 peserta program CeIO menerima pengiktirafan di Majlis Konvokesyen Kali Ke-5 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Majlis Konvokesyen ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia.

Bilangan Peserta Penerima Sijil Konvokesyen CeIO Kali Ke-5.



## Duta Integriti Tabung Haji 2016

Seminar Duta Integriti Tabung Haji 2016 telah diadakan pada 16 Mei 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA dan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji.

Ceramah oleh panel jemputan, Dr. Aniston Yusaf Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia dengan tajuk *“Moving Forward to Next Destination with Good Name via Ethical Decision Making”* membuka mata dan minda dalam mengenali integriti dengan lebih rapat lagi.

Tuan Shahrul Nizar Mohd Shariff daripada Bahagian Operasi Khas SPRM pula membentangkan tajuk *“Case Studies Discussion on Landmark Cases Concerning Banking system and Investment that Portray Breach of Integrity and Criminal Acts”* yang menyentuh isu-isu semasa berkaitan integriti yang berhubungkait dengan perbankan di Malaysia.

Sesi perbincangan meja bulat juga mengisi ruang seminar yang bertemakan *“Integriti Nadi Tabung Haji: Siapakah Penggeraknya?”* menampilkan ahli panel seperti YBhg Datuk Dr Mohd Tap Salleh, Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); YBhg Dato’ Sri Haji Zakaria Haji Jaffar, Pengerusi Yayasan Anti-Rasuah Malaysia; YBhg Dato’ Adi Azuan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji; Sahibus Samahah Dr Anhar Opis, Timbalan Mufti Selangor; serta YBhg Dato’ Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) selaku moderator yang diundang khas.



YBhg. Tan Sri Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Duta Integriti Tabung Haji 2016.



**MODAL INSAN  
DIPELIHARA  
NEGARA SEJAHTERA**

Demi melahirkan warga kerja yang berilmu dan paling penting, berintegriti, pembangunan modal insan menjadi agenda utama. Ia haruslah dibangunkan secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi.

Dalam usaha untuk membangunkan modal insan di kalangan warga MACA dan pelatih-pelatih di bawahnya, keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan berkaitan pencegahan rasuah di semua peringkat perlu dipertingkatkan. Kualiti tenaga pengajar juga perlu mencapai piawaian antarabangsa setanding dengan akademi-akademi lain di luar negara.

MACA juga bertanggungjawab membentuk masyarakat berminda kelas pertama iaitu masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Mereka juga tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya.

Identiti nasionalnya kekal terserlah melalui pembinaan jati diri yang kukuh dan tidak mudah dihanyutkan oleh arus globalisasi. Prinsip-prinsip *“Kepercayaan Kepada Tuhan”* dan *“Kesetiaan Kepada Raja dan Negara”* sentiasa dijunjung.”

### **Kepimpinan Terserlah Dalam Leadership At The Peak**

Kursus *Leadership At The Peak* telah diadakan pada 12 Februari 2016 di Dewan Kedah, MACA. Kursus ini merupakan anjuran Kluster Kecemerlangan Kepimpinan SPRM yang telah dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi SPRM iaitu YBhg. Datuk Seri Hj Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), YBhg. Dato’ Sri Hj Mustafar Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), YBhg. Dato’ Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) dan YBhg. Dato’ Azam Baki, Pengarah Siasatan.



Peserta bergambar kenangan dengan Penceramah, Puan Faridah Hanim Haron.

## **MACC 6D ISD Model In Action Creating Impactfull Learning Experience**

Kursus *MACC 6D ISD Model in Action Creating Impactful Learning Experience* dianjurkan oleh Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan SPRM dengan kerjasama MACA. Kursus sehari ini diadakan pada 26 Januari 2016 di Dewan Kuliah Kedah, MACA dan dihadiri seramai 16 orang peserta. Objektif kursus adalah untuk menunjukkan teknik penyampaian berkesan, menjelaskan empat tahap penilaian di peringkat yang berbeza, membangunkan pelan induk rekabentuk serta mengesyorkan contoh aktiviti yang dicari dan mendiagnosis.

Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh Puan Faridah Hanim Haron (Ibu Hanim), Ketua Pembangunan Kepimpinan dan Strategik SPRM sebagai penceramah. Kesemua para peserta menunjukkan minat dan bersemangat disepanjang kursus berlangsung.

Di akhir kursus ini, para peserta melahirkan rasa gembira dan berpuashati dengan kandungan keseluruhan pembelajaran yang telah mereka ikuti dan meminta agar dilanjutkan dan diadakan di masa hadapan.



## **L.O.V.E Memantapkan Program Integriti dan Modal Insan**

Program Integriti dan Pembangunan Modal Insan di Bawah Sektor Pengurusan dan Profesionalisme telah diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2016 di Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya. Program ini dihadiri pegawai - pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan juga Kumpulan Sokongan SPRM.

Bagi memantapkan keberkesanan program ini, slot ceramah bertajuk L.O.V.E iaitu *Living Our Life Everyday* oleh Puan Faridah Hanim Haron (Ibu Hanim), Ketua Pembangunan Kepimpinan dan Strategik SPRM. Slot ceramah Kemahiran Kecergasan Emosi (EQ) pula disampaikan oleh YBhg Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA.



## **Integrity Based Leadership Bersama MAIWP**

Program *Integrity Based Leadership* bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 25 hingga 27 Julai 2016 di Holiday Inn, Melaka. Program ini merupakan anjuran bersama Kluster Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC) dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Seramai 34 orang peserta terdiri dari Pegawai Kanan MAIWP dan anak syarikat MAWAIP iaitu *Pusrawi International College of Medical Sciences (PICOMS)*, Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Hospital Pusrawi, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dan MAIWP Dagang Sdn. Bhd turut serta.

Program ini diharap berjaya mencungkil kemahiran kepimpinan di kalangan pemimpin-pemimpin yang memegang posisi penting dalam MWAIP.



## **Program TEYL Memantapkan Kepimpinan Pegawai Kanan SPRM**

Program *The Effective Young Leaders (TEYL)* diadakan pada 6 hingga 8 September 2016 di Dewan Kedah, MACA. Seramai 46 orang pegawai P44 menghadiri program yang dianjurkan oleh Kluster Kepimpinan Kecemerlangan SPRM, MACA.

Program ini dikendalikan oleh Puan Faridah Hanim Haron (Ibu Hanim), Penasihat Pembangunan dan Pembelajaran MACA. Manakala slot bertajuk *Integrity Based Leadership* pula disampaikan oleh YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA.

Pengakhiran program ini, peserta dapat meningkatkan keyakinan dan idea dalam menyelesaikan masalah

dalam organisasi serta melakukan perubahan positif dalam organisasi.



## **Seni Bicara Pentas Mantapkan Pengucapan Awam**

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) menampilkan kolaborasi dua panel yang berpengaruh dari Neuron Work International Sdn. Bhd. dalam program Seni Bicara Pentas.

Program yang dirancang Kluster Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC) diadakan pada 20 September 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA.

Kepakaran En. Rizal Rashid dan Puan Anneshafeera Ibrahim berbicara telah berjaya menarik minat warga MACA dalam program ini. Program ini membantu peserta untuk menjadi penceramah yang berpengaruh dan berkeyakinan tinggi semasa berada di atas pentas.



## Rakyat Bersama SPRM

Program “Rakyat Bersama SPRM” merupakan Program Anak angkat yang keenam anjuran Kluster Latihan Asas berlangsung selama empat hari bermula 21 Mac hingga 24 Mac 2016 di Kampung Guar Kepayang, Pendang, Kedah. Ia melibatkan 87 Pegawai Kadet dari Siri 18 Bil 1/2015 (Penguasa P41) dan Siri 19 Bil 2/2015 (Penolong Penguasa P29).

Program ini dirasmikan oleh YB Dato’ Hj. Bakar Din, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah manakala majlis penutup disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Sri Mohd Jamidan Abdullah. Antara program yang dijalankan adalah Bicara Agama bersama YBhg. Dato’ Sri Hj. Zakaria Jaffar, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM, program bersama Kluster Latihan Asas, gotong-royong dan aktiviti bersama masyarakat.

Turut hadir sama dalam program, tersebut adalah YBhg. Dato’ Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA, Encik Zaid Ahmad, Pegawai Daerah Pendang, wakil Pejabat Pelajaran Pendang dan penduduk Kampung Mukim Guar Kepayang.



## Pondok Integriti Lambang Budaya Integriti Di Sekolah

Selaras dengan matlamat membudayakan integriti yang bermula di peringkat sekolah, sebuah pondok yang dinamakan “Pondok Integriti” telah disumbangkan kepada Sekolah Kebangsaan Guar Kepayang, Pendang, Kedah sempena program “Rakyat Bersama SPRM”.

Pondok Integriti merupakan sumbangan peribadi Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, YBhg. Datuk Seri Mohd Shukri Abdull yang merupakan bekas pelajar sekolah tersebut.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato’ Sri Mohd Jamidan Abdullah.

Turut hadir, YBhg Dato’ Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA dan Pegawai Daerah Pendang, Encik Zaid Ahmad.



Acara meletakkan papan tanda sambil diperhatikan oleh Pengarah MACA.

## Terjunan Statik Bebas Di Awan Biru

Pada 15 April 2016, Tiga pegawai MACA iaitu Ps Ahmad Fadhlun Mohd Tajuddin, PPs Nurul Izwan Hj Komel dan PPs Noorhusnaini Md Hilmi telah menyertai Kursus Kemahiran Payung Terjun pada 15-17 April 2016 yang bertempat di Segamat, Johor. Kursus ini dianjurkan oleh Kelab Skydive Kuala Lumpur. Antara peserta yg turut hadir dlm kursus ini terdiri daripada jabatan luar seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA).

Dalam penerjunan ini, mereka berada di ketinggian 4000 kaki di udara sebelum memulakan penerjunan tersebut. Tujuan penglibatan mereka di dalam kursus ini adalah bagi menambah kemahiran serta menguji tahap keyakinan diri sebagai seseorang pegawai latihan. Di akhir kursus ini, mereka yang melepasi ujian-ujian semasa kursus, ditauliahkan sebagai “*International Basic Freefall Skydive*” dan dikurniakan lencana sayap penerjun statik bebas.



Antara peserta yang menghadiri kursus payung terjun.

## **Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 18 Bil 1/2015 dan Siri 19 Bil 2/2015**

Setelah setahun menjalani latihan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), seramai 47 kadet Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 18 Bil 1/2015 dan 40 orang kadet Siri 19 Bil 2/2015 telah berjaya menamatkan latihannya pada 26 Mac 2016 yang menghimpunkan kesemua 87 orang kadet.

Majlis Perbarisan ini diadakan di Sekolah Kebangsaan Guar Kepayang, Pendang, Kedah yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM. Turut hadir pada majlis tersebut YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA, Pengarah-pengarah Bahagian dan Negeri SPRM, ibubapa angkat, serta penduduk kampung Guar Kepayang.

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 18 Bil 1/2015 turut menyaksikan penyampaian Anugerah Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Anugerah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) kepada Muhamad Sabri Mohd Latif, Anugerah Pengarah MACA dan Anugerah Komandan kepada Ahmad Faisal Mohd Bejo dan Zahairy Moh Yunus.

Manakala Siri 19 Bil 2/2015 menyaksikan Nasrul Fahmie Che Hussin menggondol Anugerah Ketua Pesuruhjaya dan Anugerah Pengarah MACA, Asbi Munip menerima Anugerah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) dan Anugerah Komandan kepada Muhammad Hafizruddin Ab Ghani. Tahniah atas kejayaan yang dicapai!







## Program Sarjana Sains Sosial Pengajian Rasuah-UKM

Dalam mendokong objektif MACA sebagai hab latihan kepada SPRM, MACA senantiasa memberi ruang dan peluang kepada pegawai dan kakitangannya ke arah pembangunan modal insan yang efisien. Pada 7 November 2016 lalu, seramai 19 para graduan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2014/2015 telah menerima Ijazah Sarjana pada Majlis Konvokesyen UKM ke-44. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan & Profesionalisme).

4 daripada 19 graduan tersebut merupakan pegawai SPRM iaitu PPj Hazrul Hasnie Hashim, PPj Mohd Fazli Husin, PsK Mohd Nadzri Ibrahim dan PsK Nor Haliza Hasan. Ia menjadi kebanggaan MACA kerana ia merupakan bukti manifestasi kesungguhan SPRM dan MACA dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dalam menyuntik ilmu berkaitan pencegahan rasuah dan integriti.



Barisan para graduan bergambar bersama YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah di Majlis Konvokesyen UKM ke-44.

## Majlis Taklimat & Pendaftaran Pelajar Baru Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2016/2017

Majlis Taklimat & Pendaftaran Pelajar Baru Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Semester 2 Sesi 2016/2017 diadakan pada 18 Februari 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA. Seramai 17 orang peserta telah mendaftarkan diri sebagai Pelajar Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) bagi sesi 2016/2017 ini. Program kerjasama UKM - SPRM ini akan dilaksanakan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UKM) Bangi, Selangor selama 18 bulan (3 Semester).

Pelajar-pelajar juga perlu melalui modul-modul kursus seperti Sosiologi Rasuah, Kriminologi, Undang-undang dan Jenayah Rasuah, Kaedah Penyelidikan Lanjutan, Penyiasatan dan Pengurusan Rasuah, Etika, Tadbir urus dan Rasuah, Jenayah Rasuah dan Kawalan Sosial, Projek Penanda Arasan Keluar Negara serta Tesis Sarjana Pengajian Rasuah. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA.

## Pelancaran Buku Laporan Tahunan 2015

Majlis Pelancaran Buku Laporan Tahunan MACA 2015 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azam Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM pada 24 Oktober 2016.

Penghasilan buku laporan berskala tahunan ini bertujuan memberi impak dan penanda aras bagi menjamin kualiti sebagai hab latihan sumber manusia kepada SPRM selain merakamkan peristiwa dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh MACA sepanjang tahun tersebut. Pelaporan ini juga dijadikan kayu ukur kepada MACA dalam mencapai *Key Performance Index* (KPI) pada tahun berikutnya.



Majlis Pelancaran Buku Laporan Tahunan MACA 2015 disempurnakan oleh YBhg. Dato' Azam Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM.

## NLP : Nilai Tambah Kemahiran Pada Rakan Pembimbing SPRM

Nilai-nilai murni dan beretika perlu diterjemahkan melalui sikap dan perbuatan oleh setiap pegawai dan kakitangan SPRM. Bagi mencapai objektif tersebut, Kluster Etika dan Profesionalisme, Akademi Pencegahan Rasuah (MACA) Wilayah Timur telah menganjurkan *Neuro Lingusitic Programming (NLP) –Personel Empowerment Program*.

Program yang diadakan selama 2 hari bermula 29 hingga 30 Ogos 2016 bertempat di Dewan Kuliah Kluster Etika & Profesionalisme MACA Wilayah Timur telah dihadiri seramai 31 orang Pegawai SPRM yang terdiri daripada Ketua-ketua Kluster MACA dan Rakan-rakan Pembimbing SPRM seluruh Malaysia. Antara modul kursus yang dijalankan dalam program tersebut ialah *Effective Communication at Work, Contribution & Its Rewards, Taking Charge dan Unleashing Your Potential*. Program ini telah dijayakan oleh Encik Azzam Sabtu daripada IIR International Sdn Bhd selaku penceramah program.



Para peserta sedang melaksanakan aktiviti yang diberi sepanjang program.

## Tarbiyah Semarak Ramadhan

Bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara warga SPRM, bersempena dengan bulan Ramadan 1437H yang mulia dan penuh keberkatan, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mengadakan Majlis Tarbiyah Semarak Ramadhan Al-Mubarak 2016 di Surau Al-Ghazali, MACA. Program anjuran Kluster Etika dan Profesionalisme ini diadakan pada 24 hingga 25 Jun 2016 dengan dihadiri oleh warga MACA serta pegawai-pegawai dari ibu pejabat SPRM, SPRM Selangor, SPRM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan SPRM Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Ia bertujuan untuk melahirkan insan yang mencintai Allah dan Rasul-Nya serta mentaati perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Di samping itu, program seperti ini diharap dapat menimbulkan kesedaran akan betapa pentingnya ibadah dalam kehidupan selain menambahkan keinsafan dalam diri.

Program ini diisi dengan Solat Terawih, sesi Qiamulail, tazkirah, tadarus Al-quran, bersahur dan Solat Subuh berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Mohd Affandi Che Harun daripada JAKIM, dan turut dibantu oleh Ustaz Nik Sukiman daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA dan YBhg. Dato' Nor Azmi Karim, Pengarah BPRTM.



Majlis Tarbiyah Semarak Ramadhan Al-Mubarak di Surau Al-Ghazali, MACA.

## HELP University College Tingkatkan Pengetahuan

Meskipun menghadapi kekangan masa dan bebanan kerja, pegawai-pegawai SPRM di peringkat atasan juga tidak mahu ketinggalan dalam meningkatkan tahap pendidikan mereka. Hasilnya, empat pegawai pengurusan atasan berjaya menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Jenayah Ekonomi (*Master of Sciences in Economic Crime Management*) di HELP University College, Malaysia yang terdiri daripada TPj Dato' Norazlan Mohd Razali, PPj Azlan Abd Aziz, PPj Premraj A/I Isaac Dawson dan PsK Erfieza Mujeini.



Konvokesyen Help University ke-28

## Seminar Pengukuhan Di Melaka

Kakitangan MACA adalah tenaga kerja yang bertanggungjawab di dalam menyumbang kepada pembangunan modal insan dalam SPRM dalam memastikan pegawai-pegawai SPRM dilengkapi dengan ilmu dan pengetahuan terkini di dalam melaksanakan tugas harian.

Oleh yang demikian, Seminar Pengukuhan MACA tahun 2016 telah direkabentuk bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan seluruh kakitangan Akademi. Kursus yang berjalan selama 3 hari 2 malam di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka ini telah dikendalikan oleh tenaga pengajar luar yang berpengalaman.

Antara modul yang dijalankan dalam kursus ini ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Pengurusan Stres, *The Secret of Effective Communication in Organization*, *Group Empowerment and State Management* dan *team building*. Persekitaran tempat kursus yang berkonsepkan *Theme Park* menjadikan setiap modul yang dirancang berjalan dengan lancar dan menyeronokkan. Seminar pada kali ini lebih bersifat santai dan kekeluargaan.



Pegawai dan Kakitangan MACA tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang seminar.

## Penilaian Pencapaian KPI Di Melaka

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Mesyuarat Pemantauan MACA dilaksanakan bagi tujuan meninjau pencapaian MACA sepanjang tahun 2016. Selain itu, mesyuarat ini juga berkonsep serampang dua mata yang mana turut dijadikan platform untuk merangka strategi bagi mencapai KPI MACA untuk tahun 2017. Mesyuarat ini juga mengkaji tentang keberkesanan kursus-kursus yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dan 2017 serta keperluannya pada masa mendatang.



Mesyuarat Pemantauan KPI yang melibatkan pegawai-pegawai atasan MACA.

## Aplikasi Kreativiti Di Tempat Kerja

Meningkatkan kefahaman dan kreativiti dalam melaksanakan tugas seharian merupakan objektif utama kursus ini. Hal ini demikian kerana setiap pekerja tanpa mengira pangkat dan usia dikerah untuk menghasilkan sesuatu yang lebih kreatif, efisien dan inovatif dalam penyampaian sesuatu kerja.

Kursus yang dijalankan pada 23 hingga 25 Februari 2016 ini bertujuan bagi menggalakkan setiap peserta berfikiran terbuka dan memandang jauh ke hadapan dalam menyahut setiap tugas dan tanggungjawab yang diberikan.



Tenaga pengajar memberi penerangan kepada peserta kursus.

## Kursus Pengendalian Bengkel *Corruption Risk Management (CRM) Training Of Trainers (TOT)*

Kursus ini melibatkan 38 orang Pegawai SPRM yang dijalankan di Dewan Kuliah Terengganu, MACA telah dianjurkan oleh Kluster Pencegahan Rasuah dan Pengurusan.

Kursus yang dijalankan secara tahunan ini telah diadakan pada 5 hingga 7 April 2016. Dalam kursus ini, para peserta diberi pendedahan mengenai konsep dan proses pengendalian Bengkel *Corruption Risk Management*.





**IMBASAN 2016**  
DALAM LIPATAN KENANGAN

## Kunjungan Hormat Delegasi State Audit Institution of Oman Ke MACA

MACA menerima lawatan dari delegasi *State Audit Institution of Oman* pada 29 Februari 2016. Kehadiran mereka ke MACA adalah bagi mempelajari rangka modul latihan dari MACA, Jabatan Perdana Menteri, SPRM dan Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk di praktikkan di Oman kelak. Kehadiran delegasi khas ini telah disambut oleh PKPj Abdul Razak Hamzah, PPj Azlan Abdul Aziz dan PsK Nik Nurzai Mohd Zainudin.



## Kunjungan Strategik MACA Ke Segi University: Mengorak Kolaborasi “Learning & Development”



Bagi menjadikan MACA sebagai hab latihan terunggul di dalam pencegahan rasuah, satu kunjungan ke SEGi University oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato’ Abdul Wahab Abdul Aziz bersama Ketua-ketua Kluster telah diadakan pada 13 April 2016. Kunjungan tersebut telah diraikan sendiri oleh CEO SEGi University iaitu YBhg. Datuk Mohamed Azahari Kamil bersama-sama pegawai-pegawai kanan SEGi University.

Bermatlamatkan perbincangan kolaborasi pada masa hadapan yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, MACA dan Segi University sedang merangka untuk mewujudkan program baru iaitu *Diploma in Criminal Justice*, kursus-kursus pendek berkaitan pencegahan rasuah dan lain-lain. Lawatan tersebut menjadi titik-tolak kepada usahasama yang diharapkan akan membuahkan hasil pada masa hadapan.

Kelab Kebajikan dan Rekreasi Maca (Kelab Maca) telah menganjurkan program Kembara Santai ke Fraser’s Hill, Raub, Pahang untuk ahli kelab dengan penyertaan keluarga masing-masing. Seramai 39 peserta telah menyertai program ini yang telah diadakan pada 23 April 2016.

Sebahagian ahli pasukan *MACA Cycling Team (MCT)* yang juga ahli KELAB MACA turut mengadakan latihan kayuh mendaki untuk meningkatkan stamina bermula dari Gap (jalan masuk ke Bukit Fraser) ke puncak Bukit Fraser sejauh 8 kilometer. Kesemua ahli MCT berjaya menamatkan pendakian.

## Kembara Santai Fraser’s Hill





## Perasmian Galeri MACA

Sempena sedekad penubuhannya, MACA menyimpan pelbagai memori yang perlu diarkibkan untuk rujukan masa hadapan. Justeru, sebuah galeri khas yang mempamerkan bahan-bahan bersejarah dan bernilai tinggi telah dibuka.

Antara yang dipamerkan adalah risalah mengenai sejarah MACA, sejarah pembangunan kurikulum, gambar-gambar bersejarah, input-input program, bahan pameran penglibatan MACA di peringkat antarabangsa, bahan dan alat pembelajaran, cenderahati, sijil-sijil serta plak penghargaan dan pengiktirafan yang telah diterima MACA sepanjang 10 tahun penubuhannya.

Galeri yang terletak ditingkat bawah Blok A ini merupakan hasil cetusan idea Pengarah MACA, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz dan dinamakan sebagai "Galeri MACA". Galeri tersebut adalah di bawah selenggaraan Kluster Perancangan, Penyelidikan dan Korporat (PRCC). Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj Mohd Sukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM pada 26 April 2016 semasa Majlis Perhimpunan Bulanan MACA Bil 3/2016.

Galeri MACA ini dibuka 5 hari seminggu kepada pengunjung MACA yang terdiri daripada peserta kursus dan delegasi lawatan dalam dan luar negara.



## Perkongsi Strategik Delegasi Seoul Metropolitan Council, Korea Selatan

MACA telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi *Seoul Metropolitan Council*, Korea pada 9 Mei 2016 terdiri daripada 14 orang wakil delegasi berkenaan. Kehadiran mereka ke MACA adalah untuk berkongsi pengalaman mengenai kerangka kerja dan amalan terbaik yang digunapakai MACA dalam melaksanakan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan latihan. Delegasi khas ini telah diraikan oleh YBhg. Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Pengarah MACA bersama semua Ketua-ketua Kluster. Kunjungan ini juga dapat merapatkan hubungan MACA dan Korea yang sedia terjalin.



## Kunjungan Mesra Delegasi *Anti-Corruption Commissioner Bhutan* Rapatkan Hubungan



Kunjungan mesra Delegasi *Anti-Corruption Commissioner Bhutan* diketuai oleh Madam Karma Nipup, Ketua Pesuruhjaya *Anti-Corruption Commissioner Bhutan*; dan Pegawai Kanan *Anti-Corruption Bhutan* telah disambut oleh YBhg Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA; bersama KPKPj Abdul Razak Hamzah, Ketua Kluster Pengajian Antarabangsa (PPA); dan P/PPj Azlan Abd Aziz, Ketua Kluster Perancangan, Penyelidikan dan Korporat (PRCC). Tujuan kunjungan mesra selama 1 hari adalah bagi menjalin hubungan kerjasama dengan Madam Karma Nipup yang telah dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya Bhutan sejak 10 bulan lalu.

Bagi melahirkan warga MACA yang berprestasi tinggi dari segi mental dan fizikal, Kelab Kebajikan & Rekreasi MACA (KELAB MACA) dengan jayanya telah menganjurkan aktiviti mendaki Bukit Broga, Semenyah pada 14 Mei 2016 (Sabtu).

Aktiviti kecergasan atau riadah bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturrahim antara Pegawai dan Kakitangan MACA ini telah disertai oleh 30 ahli KKR MACA. YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA juga turut menyertai aktiviti hujung minggu ini dan telah berjaya mendaki hingga ke puncak Bukit Broga bersama-sama ahli KKR MACA yang lain.

## MACA Mendaki Broga



## Perhimpunan Bulanan Memupuk Semangat Kekitaan



Perhimpunan Bulanan MACA Bil 4/2016 telah diadakan pada 21 Jun 2016 di Dewan Tun Ismail, MACA. Majlis kali ini dianjurkan oleh Kluster Latihan Asas, MACA.

Majlis diisi dengan perkongsian ilmu oleh Ustaz Azhari Musa, Penceramah bebas serta majlis meraikan Puan Shmsiah Jaafar, Ketua Kerani Bahagian Pengurusan MACA yang akan bersara pada bulan Oktober tahun ini. Ia diserikan dengan deklamasi sajak oleh Encik Kamarul Haizad, ucapan persaraan dan penyampaian cenderahati kepada Puan Shmsiah.

Turut diraikan dalam majlis tersebut adalah pegawai-pegawai MACA yang akan bertukar iaitu Ps Ahmad Fadlan Mohd Tajuddin, PPs Kamal AG Besar, PPs Affendy Hamad, PPs Mohd Yasri Yahya dan PPs Mohd Ihsan Anuar. Hadir sama dalam majlis tersebut YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA, Ketua-ketua Kluster serta pegawai dan kakitangan MACA.

## MACA – Vietnam Jalin Hubungan Dua Hala

Pada 27 Julai 2016, MACA menerima kunjungan hormat daripada Delegasi *Government Inspectorate of Vietnam* yang disambut oleh P/PKPj Abdul Razak bin Deraof, Timbalan Pengarah MACA bersama PsK K.S. Radhakrishnan a/l S.K. Sinniah, Kluster Pembangunan Integriti Korporat dan PsK Nik Nurzai Mohd Zainudin, Kluster Pengajian Antarabangsa.

Kehadiran mereka ke MACA adalah untuk mendengar taklimat mengenai kerangka kerja dan amalan terbaik yang digunapakai MACA dalam melaksanakan perancangan dan pelaksanaan kursus/program.



## Keluarga Angkat SPRM



MACA telah menerima kunjungan mesra seramai 120 orang ahli keluarga angkat kadet Kursus Asas Pegawai SPRM siri 18 bil 1/2015 dan siri 19 bil 2/2015, dari Pendang, Kedah pada 29 Julai 2016.

Dalam kunjungan tersebut, PPs Nurul Izwan Hj Komel dari Kluster Latihan Asas telah memberi taklimat ringkas tentang MACA kepada rombongan tersebut. Selain itu, mereka juga dibawa melawat ke *Moot Court*, Bilik VIR, dan galeri MACA bagi melihat sendiri cara pembelajaran anak-anak angkat mereka sepanjang menjalani latihan kursus asas selama setahun di MACA. Melalui kunjungan ini juga akan dapat merapatkan lagi hubungan MACA dan keluarga angkat yang sentiasa terjalin sebelum ini.

## MACA Cycling Team (MCT)

Sempena Program Pengukuhan Integriti Bil 5 Siri 1/2016, satu Majlis Pelancaran *MACA Cycling Team (MCT)* telah dilancarkan. Dalam majlis ini, perasmian jersi baru bagi MCT turut diadakan. Sebagai penaung MCT, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA turut hadir dalam memberi sokongannya.

Selain itu, MCT turut menyertai aktiviti-aktiviti berbasikal seperti “*KL Car Free*”, Kayuhan “*Hari Anti-Rasuah Antarabangsa*” serta Kayuhan Berbasikal - Kempen Keselamatan Jalanraya dan Pencegahan Jenayah (Jelajah Selatan 560km).



## KPK Indonesia - MACA Membina Ukhuwah



MACA telah menerima kunjungan hormat dari Pegawai Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia iaitu Encik Sandra Justiana pada 23 Ogos 2017. Kedatangan beliau disambut mesra oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz. Lawatan kerja ini bertujuan untuk mengetahui kepelbagaian program dan latihan yang disediakan oleh MACA.

Lawatan sehalu ini juga membawa ke arah perkongsian maklumat dan kerjasama antara dua negara dalam menyediakan latihan dan program bagi memantapkan integriti dalam kalangan pegawai. Lawatan kerja ini juga dimanfaatkan sepenuhnya dengan lawatan ke sekitar MACA bagi melihat fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh MACA.

Kuiz anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) kategori badan beruniform telah berjaya menarik minat warga MACA. Saringan di peringkat pertama dibuat bermula dalam kalangan badan beruniform yang sama.

MACA kali ini mengambil bahagian dalam Pertandingan Kuiz PNB 1 Malaysia bagi kategori badan beruniform di peringkat kelayakan ujian bertulis. Pegawai-pegawai MACA memberi sokongan sepenuhnya kepada PNB dengan menyertai pertandingan tersebut. Kuiz PNB ini diadakan di Dewan Kedah, MACA pada 26 September 2016.

Sebelum ujian bermula peserta diberi taklimat peraturan ujian bertulis terlebih dahulu. Peserta perlu menjawab 40 soalan kuiz dalam masa 1 jam. Semua peserta menerima sijil penyertaan.

## MACA Sahut Cabaran PNB



## Lawatan Sambil Belajar: Kolej Universiti Poly-Tech Mara KL



MACA telah menerima kunjungan pelajar dari Kolej Universiti Poly-Tech Mara Kuala Lumpur (KUPTM) pada 29 September 2016. Kedatangan mereka disambut mesra oleh Timbalan Pengarah MACA, P/KPKPj Abdul Razak Deraof.

Lawatan belajar ini diadakan bertujuan memberi pendedahan awal mengenai fungsi dan peranan MACA dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Lawatan ini terdiri daripada 29 orang pelajar yang mempunyai latarbelakang kursus pendidikan yang berbeza. Mereka juga diberi penerangan mengenai syarat-syarat kelayakan dan skop kerja sebagai pegawai SPRM.

Lawatan ini dimanfaatkan sepenuhnya dengan membawa semua pelajar terbabit ke sekitar MACA bagi melihat fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh MACA seperti *Moot Court*, *Video Interviewing Room* (VIR), Perpustakaan dan Galeri.

Sebagai sebuah hab latihan yang diiktiraf,MACA kini dilihat sebagai *role model* kepada pusat latihan agensi kerajaan dan swasta.Pelbagai agensi dari dalam dan luar negara hadir ke MACA untuk berkongsi dan melihat sistem pengurusan dan pentadbiran yang diamalkan oleh MACA.

Pada 10 Oktober 2016, MACA telah menerima kunjungan rasmi oleh pengurusan tertinggi Akademi Imigresen Malaysia (AIMM) yang diketuai oleh Yang Berusaha Tuan Azizi Mohamad Ali, Pengarah AIMM sendiri. Lawatan ini bertujuan melihat sistem pengurusan dan pentadbiran yang dipraktikkan oleh MACA dalam penyediaan latihan kepada pegawai – pegawai SPRM khususnya. Pihak Imigresen juga dibawa melawat ke Perpustakaan, *Video Interviewing Room (VIR)*, Galeri MACA dan *Moot Court*.

## Lawatan Delegasi Akademi Imigresen Malaysia (AIMM)



## Lawatan Kerja: Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Negeri Kedah

MACA juga telah menerima lawatan kerja dari Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Negeri Kedah pada 31 Oktober 2016. Lawatan rasmi ini bertujuan memupuk kerjasama antara jabatan selain berkongsi maklumat dan pengetahuan demi meningkatkan kualiti dan keberkesanan kedua-dua jabatan dalam merencana program pada masa hadapan.

Pada 10 November 2016 MACA berbesar hati menerima lawatan sambil belajar oleh SMK Damansara Damai 1 yang terdiri daripada 40 pelajar dan seorang guru pengiring.

Lawatan ini telah dianjurkan oleh Transparency International Malaysia (TI-M) sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak untuk memberi kesedaran mengenai jenayah rasuah kepada golongan remaja. MACA senantiasa melihat pendedahan dan penerapan mengenai justifikasi RASUAH dalam kalangan belia remaja dititiberatkan.

## Remaja dan Rasuah



## Y-ME Wakili Zon Pengurusan SPRM-KIK



Buat julung kalinya Team Y-ME yang terdiri daripada 11 ahli telah mewakili Zon Pengurusan SPRM di dalam Konvensyen KIK SPRM 2016 yang diadakan pada 29 November 2016 bertempat di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Mereka terdiri daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Keselamatan serta Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP). Meskipun pertama kali ditubuhkan, Team Y-ME telah dilihat memberi persaingan yang hebat kepada pasukan KIK yang lain. Dalam Konvensyen ini, Y-ME telah membawa inovasi baharu dalam pembuatan sistem yang mampu memudahkan urusan kerja, menjimatkan wang dan produktif. Meskipun tidak dinobatkan sebagai juara, Y-ME berasa bangga dan berpuas hati hasil daripada semangat berpasukan dan pengalaman yang ditimba dalam tempoh dua bulan tersebut.

Kesibukan bekerja dan rutin harian dalam rumahtangga sedikit sebanyak menjadi faktor pemangkin kepada penurunan tahap kesihatan. Justeru, Persatuan Suri & Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) SPRM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Seminar Kesihatan “Let’s Fit & Fab” dalam memastikan setiap pegawai dan kaitangan wanita SPRM kekal cergas dan cerdas.

Dalam seminar ini juga, pelbagai aktiviti kesihatan telah dirancang seperti tarian Zumba, Ceramah Pemakanan, pemeriksaan kesihatan percuma oleh Pengawal Kesihatan PPUKM dan mini pameran dari PPUKM yang diadakan di Blok Utama, MACA. Sambutan dari kalangan warga MACA dan SPRM amat menggalakkan. Program seumpama ini mampu membuka minda dan persepsi para peserta mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan kefahaman mengenai gaya hidup sihat.

## Seminar Kesihatan “Let’s Fit & Fab”




## PUSPANITA in charity



PUSPANITA merupakan sebuah pertubuhan suri dan anggota perkhidmatan awam Malaysia yang bertujuan menggalakkan perkembangan pengetahuan kemahiran serta kemajuan diri ahli-ahli Persatuan menerusi program-program kemajuan, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel, seminar dan kursus. Atas matlamat tersebut, PUSPANITA SPRM telah mengadakan pelbagai program-program berbentuk rohani dan kebajikan seperti melawat ahlinya yang menerima rawatan di hospital, melahirkan anak, mangsa jenayah dan sebagainya. Dalam memastikan ikatan ukhwah terus terjalin, PUSPANITA SPRM juga menjayakan program berbentuk sukan dan meraikan majlis-majlis berkaitan.

# LAMPIRAN

## PAKAIAN KHIDMAT RASMI (BUSH JACKET) PEGAWAI SURUHANJAYA LELAKI





## PAKAIAN KHIDMAT RASMI (BUSH JACKET) PEGAWAI SURUHANJAYA WANITA



## AKRONIM GELARAN JAWATAN

Gelaran Jawatan	Singkatan
Ketua Pesuruhjaya	KPj
Timbalan Ketua Pesuruhjaya	TKPj
Pesuruhjaya	Pj
Timbalan Pesuruhjaya	TPj
Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya	KPKPj
Penolong Kanan Pesuruhjaya	PKPj
Penolong Pesuruhjaya	PPj
Penguasa Kanan	PsK
Penguasa	Ps
Ketua Penolong Kanan Penguasa	KPKPs
Penolong Kanan Penguasa	PKPs
Penolong Penguasa	PPs





**AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**  
*Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah*

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim,  
50480 Kuala Lumpur.

☎ 603 6209 2800

☎ 603 6201 8539

✉ info.maca@sprm.gov.my

📘 Malaysia Anti Corruption Academy

**maca.sprm.gov.my**

ISSN 2289-5493



9 772289 549006